

UKM bermasalah lantik jurulatih kriket

KUALA LUMPUR 22 Jun - Pusat Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masih belum memutuskan jurulatih kriket institusi berkenaan setelah penamatan khidmat jurulatih dari Australia, Vivian Paver pada November tahun lepas.

Pasukan kriket UKM yang terkandung dalam program prestasi tinggi Persatuan Kriket Melayu Malaysia sejak tahun 2007 memiliki 23 pemain buat masa ini dengan sebahagian besar membarisi skuad kebangsaan dan pasukan belia negara.

Memandangkan ketiadaan jurulatih untuk sekian lama, Pusat Sukan UKM telah mengadakan sesi temuduga 16 Jun lepas dengan hanya dua calon hadir. Mereka ialah bekas kapten kebangsaan dan Johor, Azmi Abdul Majid dan Shafiq Sharif yang masih bermain untuk pasukan negara.

Timbalan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Noor Aziah Awal yang menge-



NOOR AZIAH AWAL



TAJUL ARIFFIN

tuai sesi temuduga itu membayangkan belum wujud keputusan siapa antara dua calon yang benar-benar layak menjadi jurulatih. Turut sama dalam sesi itu ialah Pengarah Pusat Sukan UKM, Prof. Mayda Dr. Tajul Ariffin Muhamad.

Kriket Melayu kemudian berbincang dengan Jerome Jeyaratne dari Kriket Sri Lanka dan seterusnya berjaya mencalonkan dua jurulatih prestasi tinggi

negara itu, Chinthaka Fernando dan K. Lucky Rogers. Fernando merupakan jurulatih pasukan University of Moratuwa yang memenangi kejuaraan saingan antara varsiti di Sri Lanka. Rogers pula memiliki sijil kejurulatihan dari Lembaga Kriket Australia dan telah bermain untuk pasukan bawah 19 Sri Lanka.

Bekas jurulatih perempuan kebangsaan, Mohd. Haris Abu Baker juga difahamkan menaruh minat untuk memohon jawatan itu di samping jurulatih dari Pakistan, Rasheed Akhtar.

Sebelum Paver, jurualtih UKM terdahulu ialah Mohammed Salah Uddin dari Bangladesh.

Di samping menguasai puluhan pusat pembangunan kriket nasional, Kriket Melayu juga mengendalikan tiga pusat prestasi tinggi iaitu UKM, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Asia Pacific University.